



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

BUKU PROGRAM

JOM GAGAR

LIMBANG

KARNIVAL MINI MOT

& HARI KERJAYA 2026

4 - 5 JULAI 2026

WATERFRONT LIMBANG, SARAWAK



www.mot.gov.my

motmalaysia ministryoftransportmy

USAHA SAMA DAN RAKAN STRATEGIK



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PEJABAT KESIHATAN BAHAGIAN LIMBANG




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



JOM GAGAR LIMBANG

KARNIVAL MINI MOT & HARI KERJAYA 2026

Program Karnival Mini MOT, Kampung Angkat dan Sekolah Angkat MADANI Kementerian Pengangkutan 2026 pada 4 hingga 5 Julai 2026 bertempat di Tapak Ruangan Waterfront Limbang, Panggung Amphitheatre, Limbang, Sarawak.

Latar Belakang

Program Jom Gagah Limbang 2026 merupakan inisiatif Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Unit Komunikasi Korporat (UKK) yang bertujuan mendekati rakyat melalui penyampaian perkhidmatan kerajaan, promosi peluang pekerjaan, advokasi keselamatan jalan raya serta pelaksanaan pelbagai program kemasyarakatan. Program ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkasa kesejahteraan rakyat, memperluas akses kepada perkhidmatan kerajaan dan mengukuhkan penglibatan komuniti setempat.



M/S 02



OBJEKTIF PROGRAM



Mendekatkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat



Meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya



Mempromosikan peluang pekerjaan & latihan kemahiran



Memperkuh penyampaian perkhidmatan Kerajaan MADANI

SASARAN PENGUNJUNG



2000
PENGUNJUNG



Penduduk Limbang



Belia pencari kerja



Pelajar IPTA/IPTS



Pengguna jalan raya



Komuniti B40



Pemimpin komuniti



TARIKAN UTAMA PROGRAM



Pameran Kerajaan, Jabatan Agensi MOT

Pameran ini menghimpunkan pelbagai jabatan dan agensi di bawah MOT untuk memperkenalkan perkhidmatan, inisiatif dan sesi libat urus kepada masyarakat melalui pameran interaktif serta kaunter khidmat nasihat. Ia turut mengukuhkan hubungan antara agensi dan komuniti setempat.



Karnival Kerjaya dan Temuduga Terbuka

Karnival Kerjaya dan Peluang Pekerjaan bertujuan menghubungkan pencari kerja dengan majikan melalui pelbagai tawaran pekerjaan dan sesi temu duga terbuka. Program ini menyokong usaha Kerajaan MADANI dalam meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.



Program Sukan Larian 5KM dan Berjalan 3KM

Larian 5KM dan berjalan 3KM bertujuan menggalakkan budaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta dan komuniti setempat. Program ini selaras dengan nilai Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan dan perpaduan masyarakat.

TARIKAN UTAMA PROGRAM



Program Bantuan MyLesen JPJ

Program Bantuan MyLesen JPJ melibatkan seramai 506 penerima yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan orang awam sekitar Limbang yang layak menerima manfaat ini. Inisiatif ini dilaksanakan bagi membantu golongan sasar mendapatkan lesen memandu secara sah, sekali gus meningkatkan peluang mobiliti, akses kepada pendidikan dan pekerjaan serta memupuk budaya pematuhan undang-undang jalan raya. Program ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat, keterangkuman sosial dan pemerkasaan komuniti.



Program Advokasi Keselamatan Jalan Raya

Program Advokasi Keselamatan Jalan Raya merupakan inisiatif pendidikan dan kesedaran awam yang memberi penekanan kepada aspek keselamatan, pematuhan peraturan serta tanggungjawab pengguna jalan raya. Program ini menyokong usaha Kerajaan MADANI dalam membentuk masyarakat yang lebih cakna, berdisiplin dan bertanggungjawab demi mencapai matlamat sifar kemalangan yang boleh dielakkan.



Program Pertukaran Topi Keledar

Program Pertukaran Topi Keledar melibatkan pengagihan sebanyak 1,500 topi keledar baharu kepada komuniti Limbang sebagai usaha meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya dan melindungi pengguna motosikal. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menitikberatkan kesejahteraan rakyat, keselamatan komuniti serta pemupukan budaya bertanggungjawab dalam kalangan pengguna jalan raya.

TARIKAN UTAMA PROGRAM



Kaunter Bergerak JPJ

Melalui Kaunter Bergerak JPJ, masyarakat berpeluang mendapatkan pelbagai perkhidmatan seperti pembaharuan lesen memandu, urusan berkaitan kenderaan dan khidmat nasihat secara terus di lokasi program. Inisiatif ini membantu merapatkan jurang akses perkhidmatan kerajaan serta menyokong agenda Malaysia MADANI dalam memastikan manfaat perkhidmatan awam dapat dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat.



Promosi aplikasi MyJPJ dan MyDigital ID

Promosi aplikasi MyJPJ dan MyDigital ID bertujuan meningkatkan penggunaan platform digital kerajaan bagi memudahkan urusan rakyat. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh pendigitalan perkhidmatan awam yang lebih cekap, selamat dan mudah diakses.



Jualan Rahmah Limbang

Program Jualan Rahmah dilaksanakan bagi membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat melalui penawaran barangan keperluan asas pada harga yang lebih berpatutan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Program ini menawarkan pelbagai barangan terpilih seperti makanan asas, keperluan dapur dan barangan harian pada harga lebih rendah berbanding pasaran khususnya kepada masyarakat setempat.



TARIKAN UTAMA PROGRAM



Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI

Melalui program ini, Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) memperuntukkan perbelanjaan bagi proses penyediaan bekalan elektrik dan pemasangan pagar surau di Rumah Panjang Tangai, Lubok Tuan, Limbang serta menyalurkan peralatan digital termasuk Smart TV kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Limbang, Limbang. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan komuniti dan memperkasa kemudahan pendidikan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Manakala Kampung Limpaku Pinang di Daerah Limbang, Sarawak di pilih sebagai Kampung Angkat MADANI Jabatan Laut Malaysia (JLM) mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperkukuh kesejahteraan komuniti melalui pelaksanaan projek menaik taraf dewan kampung, kemudahan elektrik dan pemasangan lampu solar bagi mewujudkan persekitaran yang lebih selesa, selamat dan kondusif.

Dalam masa yang sama, JLM turut melaksanakan Sekolah Angkat MADANI di Sekolah Kebangsaan Melayu Pusat, sebuah institusi pendidikan bersejarah di Limbang yang diiktiraf sebagai Sekolah Transformasi TS25 Kohort 1 dan Sekolah Berprestasi Tinggi. Inisiatif ini bertujuan menyokong pembangunan pendidikan serta memperkasa potensi generasi masa depan.

LAIN-LAIN TARIKAN



**LIMBANG
IDOL**



**PERTANDINGAN
MEWARNA**



**PERSEMBAHAN
KEBUDAYAAN**



**PERSEMBAHAN
ARTIS JEMPUTAN**



**CABUTAN
BERTUAH**



**DAPUR
LIMBANG**



**PERMAINAN
INTERAKTIF**




**PEMERIKSAAN
KESIHATAN**



**RERUI
JUALAN**



PETA TAPAK PROGRAM



ATURCARA PROGRAM 4 JULAI 2026 (SABTU)

MAJLIS PELEPASAN ACARA SUKAN - FUN RUN & FUN WALK (PAGI)

MASA	PROGRAM
5.30 pagi	Ketibaan Peserta
5.45 pagi	Ketibaan Pengurusan Tertinggi MOT & Tetamu Kehormat
6.00 pagi	Senamrobik
6.15 pagi	Perlepasan acara <i>Fun Run & Fun Walk</i> oleh YB Timbalan Menteri Pengangkutan
6.20 pagi	Fun Walk (VIP)
7.00 pagi	Ketibaan peserta di garisan penamat
7.30 pagi	Sarapan pagi VIP – Meja Jamuan Tebingan Sungai Limbang

PENTAS UTAMA - MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL MINI MOT (PAGI)

MASA	PROGRAM
8.00 pagi	Pameran Jabatan & Agensi
8.10 pagi	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.20 pagi	Ketibaan Pengurusan Tertinggi MOT dan Tetamu Kehormat
8.25 pagi	Ketibaan Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah
8.40 pagi	Nyanyian Lagu <i>Negaraku & Ibu Pertiwiku</i> Bacaan Doa
8.50 pagi	Persembahan pembukaan Tarian Adai-Adai
9.00 pagi	Ucapan Aluan
9.10 pagi	Ucapan Perasmian
9.20 pagi	Tayangan Montaj MOT
9.23 pagi	Gimik Majlis Perasmian Karnival Mini MOT, Kampung Angkat & Sekolah Angkat MADANI Kementerian Pengangkutan 2026
9.30 pagi	Penyampaian Cenderamata
10.00 pagi	Cabutan Bertuah Sesi 1
10.30 pagi	Sesi Bergambar
10.40 pagi	Sidang media
11.00 pagi	Sesi <i>walkabout</i> reruai jabatan & agensi, khemah pertukaran topi keledar & khemah Jualan Rahmah
11.30 pagi	Makan tengah hari VIP – Meja Jamuan Tebingan Sungai Limbang
12.00 t/hari	Bersurai

ATURCARA PROGRAM 4 JULAI 2026 (SABTU)

LIMBANG KITCHEN (TENGAH HARI)

MASA	PROGRAM
12.00 t/hari	Demo masakan Ambuyat

PENTAS UTAMA - PERTANDINGAN LIMBANG IDOL MOT (PETANG)

MASA	PROGRAM
1.30 petang	Pendaftaran Limbang Idol MOT
2.00 petang	Saringan Peserta Limbang Idol MOT
	Cabutan Bertuah Sesi 2
5.30 petang	Keputusan peringkat akhir Limbang Idol MOT
7.30 malam	Ketibaan pengunjung & peserta akhir Limbang Idol MOT
7.45 malam	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.00 malam	Persembahan Pembukaan
	Persembahan Etnik Cina
	Persembahan pertama peserta akhir Limbang Idol MOT
	Persembahan Etnik Kedayan
	Persembahan kedua peserta akhir Limbang Idol MOT
	Persembahan Etnik Iban
	Persembahan ketiga peserta akhir Limbang Idol MOT
9.00 malam	Cabutan Bertuah Sesi 3
	Persembahan Etnik Bisaya
	Persembahan keempat peserta akhir Limbang Idol MOT
	Persembahan Etnik Lunbawang
	Persembahan kelima peserta akhir Limbang Idol MOT
	Persembahan Khas Artis Jemputan
	Keputusan Limbang Idol MOT
10.00 malam	Bersurai

ATURCARA PROGRAM 5 JULAI 2026 (AHAD)

PENTAS UTAMA - MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MYLESEN B2 (PAGI)

MASA	PROGRAM
7.30 pagi	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.00 pagi	Pameran Jabatan & Agensi bermula
8.20 pagi	Ceramah Keselamatan Jalan Raya oleh JPJ Sarawak
8.30 pagi	Ketibaan Pengurusan Tertinggi MOT
8.40 pagi	Ketibaan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan (JPJ), YBhg. Dato' Aedy Fadly bin Ramli
8.50 pagi	Ketibaan Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah
9.00 pagi	Nyanyian Lagu <i>Negaraku</i> , <i>Ibu Pertiwiku</i> & <i>Bina JPJ</i> Bacaan Doa Ucapan Aluan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan (JPJ) Ucapan Perasmian oleh YB Timbalan Menteri Pengangkutan Gimik Majlis Perasmian Penyampaian Cenderamata
10.00 pagi	Cabutan Bertuah Sesi 1
10.30 pagi	Sesi bergambar
10.40 pagi	Sesi <i>walkabout</i> reruai jabatan & agensi, khemah pertukaran topi keledar & khemah Jualan Rahmah
11.30 pagi	Makan tengah hari VIP – Meja Jamuan Tebingan Sungai Limbang
12.00 t/hari	Bersurai

LIMBANG KITCHEN (TENGAH HARI)

MASA	PROGRAM
12.00 t/hari	Demo masakan Pansuh Iban

ATURCARA PROGRAM 5 JULAI 2026 (AHAD)

PENTAS UTAMA - PERTANDINGAN ACARA KANAK - KANAK (PETANG)

MASA	PROGRAM
1.00 t/hari	Pendaftaran
	Pertandingan Pakaian Beragam
	Pertandingan Masakan
	Pertandingan Mewarna
	Pertandingan Gubahan
2.30 petang	Cabutan Bertuah Sesi 2
3.00 petang	Demo <i>Marketing</i> menggunakan AI
3.30 petang	Keputusan Pertandingan dan Sesi Penyampaian Hadiah
4.00 petang	Cabutan Bertuah Sesi 3
5.00 petang	Bersurai



PAMERAN JABATAN
DAN AGENSI



PERTUKARAN
TOPI KELEDAR



KARNIVAL
KERJAYA



JUALAN
RAHMAH
MADANI
Rahmah itu Berkah



SARINGAN
KESIHATAN



CABUTAN
BERTUAH



www.mot.gov.my



motmalaysia



ministryoftransportmy

M/S 13

